



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



EVOLUSI CORAK PENGUNDIAN ETNIK CINA DI NEGERI SEMBILAN DARI PRU 1999 HINGGA 2023

EVOLUTION OF VOTING PATTERNS AMONG THE CHINESE ETHNIC IN NEGERI SEMBILAN FROM THE 1999 TO 2023 GENERAL ELECTIONS

Mokhtar Ahmad¹, Junaidi Awang Besar^{2*}

¹Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor



mokhtarahmad.mba@gmail.com



<https://orcid.org/0009-0005-6470-3201>

²Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor



jab@ukm.edu.my



<https://orcid.org/0000-0003-1521-6827>

Article Info:

Article history:

Received date: 21.01.2026

Revised date: 12.02.2026

Accepted date: 12.03.2026

Published date: 26.03.2026

To cite this document:

Ahmad, M., & Awang Besar, J. (2026). Evolusi Corak Pengundian Etnik Cina Di Negeri Sembilan Dari PRU 1999 Hingga 2023. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 372-394.

Abstrak:

Artikel ini meneliti perkembangan pola pengundian etnik Cina di Negeri Sembilan dari PRU-10 hingga PRU-15, dengan memberi perhatian kepada perubahan orientasi politik etnik Cina dalam hubungan dengan persaingan parti dan dinamik struktur politik di Negeri Sembilan. Walaupun fenomena perubahan sokongan pengundi Cina telah banyak dibincangkan pada peringkat nasional kajian yang meneliti pola pengundian secara longitudinal di peringkat Negeri khususnya Negeri Sembilan masih terhad. Kajian memfokuskan peralihan sokongan daripada parti tradisional seperti MCA dan Gerakan kepada DAP pasca fenomena "tsunami Cina" PRU-12. Perubahan ini dikaitkan dengan beberapa faktor termasuk kedudukan sosioekonomi pengundi Cina, tuntutan terhadap akses pendidikan yang adil, dan kepentingan pemeliharaan hak kebudayaan yang dianggap semakin mendesak dalam iklim politik pasca-2008. Kajian turut menilai implikasi perubahan ini terhadap senario politik Negeri Sembilan, khususnya dari aspek keupayaan parti-parti politik menyesuaikan pendekatan dan mesej kepada segmen pengundi yang semakin kritikal. Metod kajian berasaskan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen sekunder, meliputi data rasmi keputusan pilihan raya yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), laporan media arus perdana dan portal berita, serta penyelidikan akademik berkaitan politik etnik di Malaysia. Analisis kajian ini dipandu oleh kerangka teori realignment politik dan pendekatan tingkah laku pengundi etnik dalam

system politik pelbagai kaum. Pendekatan longitudinal merentasi enam pilihan raya umum membolehkan pengenalpastian pola kestabilan dan perubahan sokongan secara lebih sistematik berbanding analisis silang masa yang terhad. Dapatan menunjukkan peningkatan berterusan dominasi DAP sejak PRU-12, yang membawa kepada kemerosotan ketara pengaruh MCA dan Gerakan, seterusnya menghasilkan dinamika baharu dalam kerangka politik Barisan Nasional di Negeri Sembilan. Implikasi kajian ini bukan sahaja signifikan terhadap strategi parti politik, malah menyumbang kepada perbincangan lebih luas mengenai transformasi system kepartian dan masa depan politik konsosiasional di Malaysia.

DOI: 10.35631/IJLGC.1143025

Kata Kunci:

Pola Pengundian, Pengundi Cina, Negeri Sembilan, Tsunami Cina, Dinamik Politik Malaysia

Abstract:

This article examines the development of ethnic Chinese voting patterns in Negeri Sembilan from GE-10 to GE-15, paying attention to the change in ethnic Chinese political orientation in relation to party competition and political structure dynamics in Negeri Sembilan. Although the phenomenon of change in Chinese voter support has been widely discussed at the national level, studies that examine longitudinal voting patterns at the state level, especially Negeri Sembilan, are still limited. The study focuses on the shift in support from traditional parties such as MCA and Gerakan to DAP after the "Chinese tsunami" phenomenon of GE-12. This change is linked to several factors including the socioeconomic position of the Chinese electorate, demands for fair access to education, and the importance of preserving cultural rights which is considered increasingly urgent in the post-2008 political climate. The study also assessed the implications of this change on Negeri Sembilan's political scenario, particularly from the aspect of the ability of political parties to adapt their approaches and messages to increasingly critical voter segments. The research method is based on a qualitative approach through the analysis of secondary documents, covering official election results data issued by the Election Commission (SPR), mainstream media reports and news portals, as well as academic research related to ethnic politics in Malaysia. The analysis of this study is guided by the theoretical framework of political realignment and the approach of ethnic voter behavior in a multi-racial political system. A longitudinal approach across six general elections allows for a more systematic identification of patterns of stability and change in support than a limited cross-sectional analysis over time. Findings show a continuous increase in DAP's dominance since GE-12, which led to a significant decline in the influence of MCA and Gerakan, further producing a new dynamic in the political framework of Barisan Nasional in Negeri Sembilan. The implications of this study are not only significant for political party strategy but also contribute to a wider debate on the transformation of the party system and the future of consociational politics in Malaysia.

Keywords:

Voting Pattern, Chinese Electorate, Negeri Sembilan, Chinese Tsunami, Political Dynamics in Malaysia



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexclence.com

Pengenalan

Secara keseluruhannya, literatur terdahulu lebih banyak menumpukan kepada tingkah laku politik pengundi Cina di peringkat nasional dan kawasan bandar, dengan penekanan utama tertumpu kepada faktor ekonomi, kepimpinan serta struktur parti politik. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut masih kurang memberikan perhatian terhadap analisis geopolitik setempat, khususnya dalam konteks Negeri Sembilan yang mempunyai latar belakang sejarah, struktur politik dan dinamika etnik yang tersendiri. Sehubungan itu, kajian ini berbeza daripada penyelidikan terdahulu kerana memberi tumpuan khusus kepada dimensi geografi politik dan konteks persekitaran Negeri Sembilan. Tumpuan lebih kepada menilai bagaimana faktor ruang, sejarah politik negeri serta dinamika tempatan mempengaruhi pola sokongan politik pengundi Cina pasca PRU-14.

Kajian Literatur

Mohd Fitri (2016) dalam kajiannya bertajuk “Tren Pengundian dan Dinamika Politik Cina di Malaysia” telah merumuskan bahawa sokongan terhadap parti politik dan pandangan terhadap pemerintahan negara sentiasa berubah berasaskan peredaran zaman dan perubahan sikap dan mentaliti pengundi Cina itu sendiri. Kalau selepas Merdeka pengundi Cina memberi sokongan yang tidak berbelah-bagi kepada MCA-GERAKAN serta BN, namun menjelang 2008 dan seterusnya sehingga 2013, arah sokongan pengundi Cina kian berubah. Malah mereka bukan sahaja mula mendekati parti pembangkang, tetapi mengundi untuk parti pembangkang, sehingga menggugat status-quo BN. Perkara ini berlaku bukan disengajakan tetapi akibat dari faktor-faktor dalaman dan luaran parti politik termasuk dalam pendekatan kempen pilihan raya. Hasil kajian juga mendapati terdapat beberapa isu tertentu yang menjadi perhatian pengundi Cina iaitu pembangunan, kemudahan awam dan kestabilan dan perpaduan selain isu pembangunan dan kemiskinan.

Thock dan Tan (2018) dalam kajiannya bertajuk “Urban Tsunami dalam PRU ke-13: Analisis Pola Pengundian Masyarakat Cina Malaysia” menyatakan bahawa model BN yang telah sekian lama menerajui Malaysia dilihat gagal menangani pelbagai masalah struktural yang semakin meresahkan masyarakat, termasuk etnik Cina. Prestasi ekonomi negara yang semakin merosot dari segi daya saing antarabangsa, peningkatan kadar inflasi, serta isu jenayah, rasuah, kronisme dan penyalahgunaan kuasa menimbulkan persepsi negatif terhadap kemampuan BN mentadbir negara secara berkesan. Dalam masa yang sama, politik perkauman yang berterusan turut dianggap sebagai penghalang kepada pembentukan dasar inklusif yang lebih seimbang. Ketidakseimbangan kuasa dalam BN yang menyebabkan MCA, Gerakan dan SUPP terpinggir daripada proses membuat keputusan juga menjadikan parti-parti tersebut dilihat tidak mampu memperjuangkan isu kritikal masyarakat Cina, khususnya pendidikan Cina. Kesemua faktor ini memperkukuh rasa kecewa dan kehilangan keyakinan etnik Cina terhadap BN, seterusnya

mengalihkan sokongan mereka secara lebih konsisten kepada pakatan pembangkang dalam PRU 2013.

Kajian oleh Mohd Fitri (2018) mendapati pengundi Cina memilih parti-parti politik yang berjuang untuk perpaduan dan keharmonian serta pembangunan dan kemiskinan. Jelas pengundi-pengundi Cina akan menyokong parti-parti yang berjuang untuk semua kaum di negara ini, yang membawa maksud mereka menyokong bukan sahaja parti politik yang berjuang untuk masyarakat Cina, juga untuk kaum Melayu, India serta lain-lain. Sementara itu, pengundi-pengundi Cina turut mengutamakan parti-parti politik yang berjuang atau mengutamakan alam sekitar, kemanusiaan, calon-calon yang berwibawa, menunaikan manifesto serta mempunyai rekod yang baik. Pengundi Cina berpendapat isu-isu ini adalah selari dengan perjuangan DAP.

Mohd Fitri (2020) merumuskan bahawa terdapat banyak sebab bagi penolakan pengundi Cina terhadap MCA, yang sebenarnya juga memperlihatkan penolakan sebahagian besar pengundi terhadap BN dan memilih PH bagi menerajui kepimpinan negara ini. Di antaranya ialah disebabkan kelemahan kepimpinan MCA, kemunculan serta kekuatan Pakatan Harapan, penyelewengan dan salahguna kuasa pentadbiran Najib termasuk isu-isu 1MDB dan GST.

Pada PRU-13, MCA sekadar menang dua kerusi daripada 11 kerusi yang dipertandingkan untuk parti MCA. Menurut Junaidi (2017) di antara faktor-faktor penolakan pengundi Cina terhadap BN (MCA) ialah keperibadian, ketokohan kepimpinan DAP seperti Lim Guan Eng yang dilihat lebih berwibawa dalam mentadbir negara; konflik dalaman MCA berterusan sejak Tun Dr. Ling Liong Sik dan Tan Sri Lim Ah Lek sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA sehingga berlarutan era Dato' Seri Ong Tee Keat dan Datuk Seri Chua Soi Lek; dan sikap dan pemikiran pengundi bandar yang lebih terbuka terutama memperoleh banyak maklumat dari sumber media sosial. Pengundi bandar menolak BN yang didapati tidak menawarkan janji-janji manifesto yang menarik perhatian mereka.

Terdapat banyak faktor yang melengkari sebab-sebab kekalahan BN dan MCA pada PRU-14. Menurut Junaidi (2019) bahawa tekad untuk menjatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU 2018.

Mohd Mahadee at al. (2020) menjelaskan bahawa PRU-14 turut disebut sebagai gelombang 'Politik Baharu 2.0 atau New Malaysia' kerana ianya mencerminkan kebangkitan kesedaran politik rakyat yang tidak terikat kepada kepartian tradisional, sebaliknya didorong oleh isu integrity, ketelusan, dan keinginan kepada perubahan struktur institusi.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan dalam sesi Townhall bertajuk "Apakah Peranan UMNO Dalam Kerajaan" menyatakan bahawa sejak 2008, DAP telah menjadi pilihan masyarakat Cina. Pada 2012, DAP menandatangani Deklarasi Shah Alam untuk menyokong Islam, Melayu, Raja dan bahasa. Mereka juga melakukan perkara yang sama semasa perayaan 50 tahun mereka dan yang terbaharu apabila mereka menandatangani perjanjian semasa Konvensyen Kerajaan Perpaduan (Madiha 2023).

Mohd Dhafifi (2023) menyatakan bahawa Pentadbiran Barisan Nasional di Negeri Sembilan di bawah kepimpinan Mohamad Hasan sebagai Menteri Besar memperlihatkan perancangan pembangunan ekonomi yang tersusun serta mendapat kepercayaan rakyat. Prestasi ekonomi negeri yang menunjukkan perkembangan positif dijadikan asas utama Barisan Nasional dalam meraih sokongan rakyat, dengan pelaksanaan rancangan pembangunan jangka panjang yang kemudiannya ditawarkan melalui manifesto bagi menghadapi PRU-14.

Kaji selidik yang dilakukan oleh Ilham Centre berhubung sikap pengundi menjelang PRU-15 bertajuk “Apa Rakyat Mahu?” mendapati bahawa sebanyak 52 peratus Pengundi Cina dan 59 peratus pengundi India melihat isu tempatan akan mempengaruhi undi mereka. Sebanyak 48 peratus pengundi Cina dan 41 peratus pengundi India menganggap isu nasional akan mempengaruhi undi mereka (Anon 2022).

Mokhtar (2025) dalam kajiannya bertajuk ‘Geografi politik Melayu luar pasca pilihan raya umum (PRU) di Negeri Sembilan: Satu analisis PRU-10 hingga PRU-14’ menyatakan bahawa perubahan yang berlaku adalah berpandukan kepada peningkatan celik politik dan sokongan generasi mudah selain daripada daya tahan norma dan nilai budaya tempatan.

Mokhtar, Junaidi dan Mohd Fuad (2024) menyatakan bahawa antara faktor sokongan terhadap Pakatan Harapan pada PRU-14 di kawasan N20 Labu adalah kerisauan masyarakat Cina terhadap parti MCA yang dilihat tidak berperanan menjaga kepentingan kaum Cina selain parti MCA dilihat terlalu mengikut telunjuk UMNO yang semakin UMNOrisme.

Tinjauan yang dibuat oleh Merdeka Center (2018) mendapati bahawa masyarakat Cina merekodkan peratusan paling rendah mengenai hala tuju negara. Hanya 20 peratus sahaja yang bersetuju Malaysia bergerak ke arah yang betul. Bahkan bagi masyarakat Cina, tiga isu terbesar yang menjadi perhatiannya ialah isu rasuah, inflasi dan hak sama rata rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Mohammad Khairuddin dan Zulkarnain (2019) menyatakan bahawa antara faktor kemenangan DAP di Negeri Sembilan pada PRU-14 ialah gerak kerja yang pantas oleh DAP dalam memperkenalkan calon Menteri Besar lebih awal, masyarakat Cina hilang kepercayaan kepada parti MCA dan Gerakan yang seakan tenggelam dalam BN dan rakyat muak dengan berita-berita yang bersifat berat sebelah serta bias terhadap pemimpin dan negeri pembangkang.

Mokhtar et al. (2021) menyatakan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar Negeri Sembilan dalam satu ceramah dikatakan telah mengores perasaan masyarakat Cina. Ceramah itu antara lain menyatakan agar semua kerusi DUN di Negeri Sembilan diberikan kepada UMNO pada PRU-14 nanti.

Welsh (2018a) menyatakan bahawa sekitar 95 peratus pengundi Cina menolak Barisan Nasional (BN) dalam PRU-14, meningkat berbanding 83 peratus dalam PRU-13. Perubahan ini mencerminkan tahap penolakan yang semakin tinggi dalam kalangan pengundi bukan Melayu, yang didorong terutamanya oleh sentimen anti-rasuah dan perbezaan pandangan ideologi.

Welsh (2018b) menyatakan bahawa pengundi Cina memberikan sokongan hampir menyeluruh kepada Pakatan Harapan (PH) iaitu sekitar 95 peratus, manakala sokongan pengundi India dianggarkan antara 70 hingga 75 peratus. Corak sokongan ini memberi sumbangan besar

kepada kekalahan Barisan Nasional (BN), selari dengan pola pengundian berasaskan etnik yang telah terbentuk sejak era kemerdekaan.

Welsh (2019) merumuskan bahawa cabaran dalam tempoh pasca-PRU14 telah meningkatkan rasa kecewa dalam kalangan pengundi Cina. Hal ini berlaku kerana janji reformasi yang tidak ditunaikan telah menghakis keyakinan dan mengurangkan semangat sokongan yang sebelum ini sangat kuat terhadap gerakan anti-BN pada tahun 2018.

Welsh (2020) menyatakan bahawa polarisasi berasaskan kaum telah mengukuhkan penolakan pengundi etnik Cina terhadap Barisan Nasional (BN). Dalam konteks ini, pengundi lebih mengutamakan agenda reformasi serta penentangan terhadap ekstremisme agama. Corak ini selari dengan perubahan pola pengundian yang turut diperhatikan dalam pilihan raya negeri, termasuk di Melaka yang bersempadan dengan Negeri Sembilan.

Welsh (2021) menyatakan bahawa dalam Pilihan Raya Negeri Melaka 2021, kira-kira 46 peratus daripada keseluruhan pengundi terdiri daripada etnik Cina yang menunjukkan tahap sokongan berterusan yang tinggi kepada Pakatan Harapan (PH) dalam suasana polarisasi politik. Dapatan ini menyerlahkan pola sokongan konsisten dalam kalangan pengundi Cina, yang turut relevan untuk memahami dinamika politik di Negeri Sembilan

Ong (2024) menyatakan bahawa pada PRN 2023, DAP mengalami peningkatan sokongan keseluruhan, dengan kenaikan 8 peratus daripada pengundi Melayu dan 2 peratus daripada pengundi Cina antara 2022 dan 2023. Peningkatan sokongan terhadap DAP adalah tertinggi di Negeri Sembilan, iaitu 6.7 peratus, diikuti Selangor pada 5.2 peratus, Pulau Pinang pada 4.3 peratus dan akhirnya Kedah pada 1.4 peratus. Tambahnya lagi, DAP mendapat manfaat undi Melayu terbesar daripada pengundi yang lebih tua berbanding pengundi muda.

Mokhtar dan Junaidi (2026a) merumuskan bahawa pada PRN-15 Negeri Sembilan, secara kualitatifnya pengundi BN khususnya UMNO masih berasa ragu dan keliru terhadap kerjasama PH/BN terutamanya kerana penglibatan DAP. Disebalik itu sebahagian penyokong PH pula kekal skeptikal terhadap BN yang sering dikaitkan dengan isu rasuah dan kelemahan tadbir urus. Mokhtar dan Junaidi (2026b) menyatakan bahawa PRU-14 memperlihatkan peralihan ketara sokongan tradisional daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan yang dipacu oleh gelombang nasional, tekanan sosioekonomi dalam kalangan B40 etnik India dan kesan kebangkitan Hindraf. Namun begitu, PRN-15 memperlihatkan pola yang lebih rencam dengan kemunculan Perikatan Nasional sebagai pesaing signifikan kepada PH/BN.

Literatur terdahulu secara konsisten menunjukkan bahawa tingkah laku pengundian masyarakat Cina di Malaysia telah melalui proses penyusunan semula sokongan politik (political realignment) sejak PRU 2008, dengan peralihan yang ketara daripada sokongan tradisional kepada MCA/BN kepada kecenderungan lebih stabil terhadap DAP dan Pakatan Harapan. Perubahan ini tidak boleh ditafsir sebagai reaksi emosi semata-mata, sebaliknya berpunca daripada penilaian rasional pengundi terhadap prestasi tadbir urus, integriti kepimpinan dan kredibiliti institusi politik. Kelemahan struktur dalaman parti komponen BN, konflik kepimpinan, kegagalan memperjuangkan isu pendidikan Cina serta persepsi bahawa MCA dan Gerakan semakin terpinggir dalam struktur kuasa BN telah menjejaskan kepercayaan masyarakat Cina terhadap parti-parti tersebut. Pada masa yang sama, faktor makro seperti skandal rasuah, penyalahgunaan kuasa, tekanan kos sara hidup, pelaksanaan GST serta kegagalan reformasi institusi telah memperkukuh penolakan terhadap BN dan

mempercepatkan konsolidasi sokongan kepada PH, yang jelas tercermin melalui fenomena 'tsunami sokongan' dalam PRU-13 dan PRU-14.


Namun demikian, literatur juga menunjukkan bahawa perubahan sokongan ini bukanlah seragam dan mutlak, sebaliknya dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara faktor struktur nasional, konteks politik tempatan dan dimensi budaya setempat. Peningkatan celik politik, pengaruh media sosial, transformasi ekologi maklumat politik serta orientasi kepada nilai sejagat seperti integriti, keadilan sosial, keterangkuman dan kredibiliti calon semakin membentuk pola pengundian masyarakat Cina ke arah model penilaian prestasi dan politik berasaskan nilai. Walau bagaimanapun, sebahagian kajian turut membuktikan bahawa prestasi kerajaan negeri, strategi komunikasi elit, sensitiviti etnik serta naratif politik tempatan masih berupaya membentuk respons politik masyarakat, khususnya dalam konteks negeri seperti Negeri Sembilan. Justeru, walaupun literatur sedia ada kaya dalam menjelaskan faktor nasional dan struktural, masih wujud jurang kajian yang ketara dalam memahami bagaimana faktor geopolitik tempatan, struktur sosial budaya dan dinamika ruang (geobudaya) secara lebih mikro mempengaruhi pembentukan sikap dan tingkah laku pengundi. Jurang inilah yang cuba diisi oleh kajian ini melalui analisis yang lebih kontekstual dan bersifat spatial-politik terhadap pola pengundian dalam ruang lokal.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggabungkan data primer dan data sekunder bagi meneliti perubahan pola pengundian etnik Cina di Negeri Sembilan dari Pilihan Raya Umum (PRU) ke-10 (1999) hingga PRU ke-15 (2023). Data primer diperoleh melalui pemerhatian lapangan semasa proses pilihan raya, termasuk penglibatan secara langsung dalam situasi hari penamaan calon, kempen konvensional seperti ceramah, perang poster, risalah dan sepanduk, serta kempen berasaskan media sosial seperti Facebook, YouTube, WhatsApp dan TikTok. Data kuantitatif sokongan pengundi dianalisis berdasarkan keputusan rasmi PRU-14 dan Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15, manakala data kualitatif diperoleh melalui analisis dokumen sekunder yang merangkumi bahan bercetak dan sumber atas talian seperti buku akademik, artikel jurnal, kertas persidangan dan prosiding ilmiah. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memperoleh gambaran menyeluruh terhadap evolusi tingkah laku pengundian etnik Cina dalam konteks perubahan politik di Negeri Sembilan.

Soalan penyelidikan utama kajian ini menumpukan kepada pengaruh faktor sosioekonomi, tuntutan terhadap akses pendidikan yang adil dan pemeliharaan hak kebudayaan dalam mendorong peralihan sokongan politik pengundi etnik Cina daripada parti tradisional seperti MCA dan Gerakan kepada DAP, serta implikasinya terhadap dinamika kepartian di Negeri Sembilan. Kerangka analisis kajian berdasarkan pendekatan longitudinal yang merentasi enam pilihan raya umum bermula PRU-1999 hingga PRN-15 di Negeri Sembilan. Pendekatan ini membolehkan pengenalpastian pola kestabilan dan perubahan sokongan secara lebih sistematik berbanding analisis silang masa yang terhad. Analisis difokuskan kepada kawasan yang mempunyai kepadatan pengundi etnik Cina yang tinggi seperti DUN Bukit Kepayang, Mambau, Rahang dan Bahau, dengan data diperoleh daripada sumber termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), laporan media arus perdana dan digital seperti *The Star* dan *Utusan Malaysia*, serta kajian akademik terdahulu. Analisis data dilaksanakan melalui pengkodan tematik bagi mengenal pasti trend perubahan sokongan dan tema utama yang membentuk aspirasi politik pengundi etnik Cina. Pendekatan ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam menjelaskan perubahan tingkah laku pengundian jangka panjang secara sistematik, konsisten

dan berkesan dari segi teori dan amalan penyelidikan politik. Rajah 1 ditunjukkan Kerangka kajian perubahan pola pengundian etnik Cina di Negeri Sembilan berasaskan Model Budaya Politik Etnik dan Analisis Longitudinal.



Rajah 1: Kerangka Kajian Perubahan Pola Pengundian Etnik Cina Di Negeri Sembilan Berasaskan Model Budaya Politik Etnik dan Analisis Longitudinal


Hasil Kajian: Pilihan Raya Umum 1999-2023 di Negeri Sembilan

Terdapat enam siri pilihan raya yang berlaku di Negeri Sembilan dalam tempoh 1999- 2023. Pilihan raya tersebut ialah PRU-10 (1999), PRU-11 (2004), PRU-12 (2008), PRU-13 (2013), PRU-14 (2018) dan PRN-15 (2023). Bagaimanapun, perbincangan ini hanya memfokuskan

kajian kawasan DUN yang ditandingi oleh parti-parti MCA, Gerakan dan DAP sahaja. Perbincangan tertumpu kepada keputusan yang berlaku dalam pilihan raya tersebut dan akhirnya dibincangkan tentang isu dan faktor yang menyelubungi sokongan pengundi, pola pengundian yang terbentuk dan impaknya terhadap scenario politik semasa dan pasca pilihan raya di Negeri Sembilan.

Keputusan PRU-10 (1999) di Negeri Sembilan

Pilihan Raya Umum (PRU-10) telah diadakan pada 29 November 1999. Penamaan calon telah diadakan pada 20 November 1999. Sebanyak 32 kerusi DUN di Negeri Sembilan telah dipertandingan. Keputusan ini menyaksikan BN telah menang ke semua kerusi DUN yang dipertandingan, sekali gus memberi tamparan hebat kepada Barisan Alternatif (BA) selaku blok pembangkang utama ketika itu. Selain 20 kerusi DUN dimenangi UMNO, parti MCA telah menang bergaya di Sembilan kerusi DUN, dua melalui MIC dan satu melalui parti Gerakan iaitu di DUN N20 Senawang. DAP yang bertanding menentang calon-calon MCA dan Gerakan bagi mewakili BA telah kalah di semua kawasan DUN iaitu Chennah, Bahau, Repah, Nilai, Lobak, Temiang, Rahang, Mambau, Lukut dan Senawang. DUN Temiang menyaksikan calon MCA sekadar menang dengan majoriti undi sebanyak 176. Rajah 2 adalah Peta Kawasan DUN yang dimenangi MCA dan Gerakan dalam PRU-1999 di Negeri Sembilan.




Rajah 2: Peta Kawasan DUN dimenangi MCA dan Gerakan dalam PRU-1999 Negeri Sembilan

Sumber: Ubahsuai SPR 1999

Keputusan PRU-11 (2004) di Negeri Sembilan

Pilihan Raya Umum ke-11 (2004) di Negeri Sembilan telah diadakan secara serentak dengan Pilihan Raya Umum ke-11 Malaysia pada 21 Mac, 2004. Penamaan calon telah diadakan pada 13 Mac 2004. Sebanyak 36 kerusi DUN telah dipertandingan iaitu pertambahan empat kerusi berbanding PRI-10. Kerusi DUN yang baru adalah Bagan Pinang, Bukit Kepayang, Sikamat

dan Chuah. BN telah menang bergaya dengan menguasai 34 kerusi DUN berbanding pembangkang dua kerusi DUN. Pada pilihan raya ini, gabungan BN yang diwakili parti MCA telah memenangi lapan kerusi DUN dan parti Gerakan satu kerusi DUN. DAP buat pertama kalinya berjaya menang di kerusi DUN Bahau dan DUN Lobak. Calon DAP menang dengan majoriti undi sebanyak 642 di Bahau dan Lobak sebanyak 1,842 (SPR 2004). Pada pilihan raya sebelumnya, kedua-dua kawasan DUN ini telah dimenangi oleh calon MCA dengan majoriti undi sebanyak 2, 842 dan 787. Majoriti terendah yang dimenangi oleh calon BN adalah di kerusi DUN Bukit Kepayang yang diwakili MCA iaitu menang dengan majoriti undi sebanyak 430. Rajah 3 adalah Peta Kawasan DUN yang dimenangi MCA, Gerakan dan DAP di PRU-2004 di Negeri Sembilan.




Rajah 3: Peta Kawasan DUN dimenangi MCA, Gerakan dan DAP Dalam PRU-2004 Negeri Sembilan

Sumber: Ubahsuai SPR 2004

Keputusan PRU-12 (2008) di Negeri Sembilan

Pilihan Raya Umum ke-12 (2008) di Negeri Sembilan diadakan pada 8 Mac 2008, serentak dengan Pilihan Raya Umum Malaysia. Hari penamaan calon telah diadakan pada 24 Februari 2008. Sebanyak 36 kerusi DUN telah dipertandingkan dan BN sekadar memenangi 21 kerusi DUN. Daripada 11 kerusi DUN yang ditandingi oleh calon Cina daripada DAP, MCA dan Gerakan, calon pembangkang daripada DAP telah berjaya memenangi 10 kerusi DUN berbanding 1 sahaja kerusi yang dimenangi oleh MCA iaitu di DUN Chennah. Calon MCA DUN Chennah, Siow Chen Pin berjaya mendapat 4,091 undi berbanding calon DAP, How Wee Shiong yang mendapat 2,793. Calon MCA telah menang dengan majoriti undi sebanyak 1, 298 undi. Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 (2008) ini telah menjadi tamparan hebat kepada

BN Negeri Sembilan kerana buat kali pertamanya BN gagal mendapat dua per tiga majoriti di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Ini juga merupakan ‘Urban Swing’ atau fenomena tsunami Cina yang kesannya bukan sahaja di Negeri Sembilan tetapi juga negeri yang jatuh ke tangan pembangkang iaitu Kedah, Perak, Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Rajah 4 adalah Peta Kawasan DUN yang dimenangi MCA, Gerakan dan DAP di PRU-2008 di Negeri Sembilan.




Rajah 4: Peta Kawasan DUN dimenangi MCA, Gerakan dan DAP Dalam PRU-2008 Negeri Sembilan

Sumber: Ubahsuai SPR 2008


Keputusan PRU-13 (2013) di Negeri Sembilan

Pilihan Raya Umum ke-13 (2013) Negeri Sembilan telah diadakan pada serentak dengan Pilihan Raya Umum Malaysia iaitu pada 5 Mei 2013. Hari penamaan calon telah diadakan pada 20 April 2013. Terdapat 11 kerusi yang menjadi rebutan antara calon-calon daripada BN iaitu MCA dan Gerakan; dan calon Pakatan Rakyat (PR) daripada DAP. Keputusan Pilihan Umum ke-13 Negeri Sembilan ini menyaksikan parti DAP berjaya memenangi semua 11 kerusi DUN yang dipertandingkan termasuk DUN Chennah. Pada PRU-12 yang lalu, DUN Chennah satu-satu DUN yang dimenangi oleh MCA. Begitupun pada PRU-13, DAP telah menonjolkan calon Pengerusi DAP Negeri Sembilan, Loke Siew Fook sebagai calon DUN Chennah dan Berjaya mengalahkan calon MCA, Siow Foo Wen dengan majoriti undi sebanyak 1,098. Loke Siew Fook mendapat 5,128 undi berbanding Siow Foo Wen mendapat 4,030 undi. Keputusan ini telah memberikan pukulan maut kepada parti-parti cina Barisan Nasional iaitu MCA dan Gerakan yang telah ditolak sepenuhnya oleh pengundi Cina di Negeri Sembilan. Bahkan kemenangan bergaya DAP terserlah dengan majoriti undi yang dimenangi seperti di DUN Bukit Kepayang sebanyak 9,457 undi, DUN Mambau sebanyak 9,377 undi dan DUN Lobak sebanyak 8,270 undi. Adalah jelas berlaku tsunami penolakan pengundi Cina kepada parti dokongan BN walaupun masih berjaya mentadbir kerajaan Negeri Sembilan. Rajah 5 adalah Peta Kawasan DUN yang dimenangi DAP di PRU-2013 Negeri Sembilan.



Rajah 5: Peta Kawasan DUN Dimenangi DAP Dalam PRU-2013 Negeri Sembilan


Sumber: Ubahsuai SPR 2013



Rajah 6: Peta Kawasan DUN Dimenangi DAP Dalam PRU-2018 Negeri Sembilan

Sumber: Ubahsuai SPR 2018

Pilihan Raya Negeri ke-15 (2023) telah diadakan pada 12 Ogos 2023. Pilihan raya ini berlaku serentak dengan enam negeri yang lain itu Terengganu, Selangor, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang. Pilihan Raya ke-15 ini berlaku hampir setahun setelah PRU-15 diadakan pada 19 November 2022. Menariknya dalam PRN-15 (2023) Negeri Sembilan ini, BN dan PH telah melakukan satu kerjasama politik apabila bergabung membentuk satu pasukan di sebalik Perikatan Nasional (PN) telah bertindak sebagai satu gabungan lain. Menariknya pada pilihan raya ini, buat pertama kalinya juga MCA tidak bertanding dalam kerjasama PH dan BN. Sebaliknya parti Gerakan yang sebelum ini bertanding atas tiket BN telah bekerjasama dan menjadi gabungan dalam PN yang terdiri daripada BERSATU dan PAS. Keputusan PRN-15 membuktikan bahawa DAP telah diterima sepenuhnya oleh pengundi Cina apabila memenangi semua 11 kerusi yang diperuntukkan kepada DAP. Calon-calon Gerakan, Bebas dan BERSATU gagal meraih kerusi DUN tersebut. Bahkan kebanyakan calon-calon DAP yang menang tersebut berjaya memenangi kerusi DUN dengan majoriti yang cukup Besar. Keputusan PRN-15 ini merupakan kemenangan tiga kali berturut-turut semua kawasan DUN yang ditandingi DAP sejak 2013 -2023. Rajah 7 adalah Peta Kawasan DUN yang dimenangi DAP di PRU-2018 Negeri Sembilan.



**Rajah 6: Peta Kawasan DUN Dimenangi DAP Dalam PRU-2023
Negeri Sembilan**

Sumber: Ubahsuai SPR 2023

Pola Taburan Geografi Pilihan Raya Umum 1999 hingga 2023 ditandingi MCA, DAP dan Gerakan di Negeri Sembilan

Bahagian perbincangan ini menghuraikan perubahan pola pengundian etnik Cina di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Sembilan bagi tempoh PRU-10 (1999) hingga PRU-15 (2023). Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam PRU-10 (1999) dan PRU-11 (2004), sokongan pengundi etnik Cina di DUN majoriti Cina masih didominasi oleh parti MCA dan Gerakan, sebagai parti utama dalam Barisan Nasional yang dilihat berperanan menyalurkan tuntutan masyarakat Cina kepada kerajaan. Dalam tempoh ini, sokongan terhadap MCA berkait rapat dengan faktor kestabilan politik, keberkesanan jaringan organisasi parti di peringkat tempatan serta kepercayaan terhadap keupayaan BN menjamin pembangunan ekonomi negeri. Sebaliknya, Gerakan tidak menunjukkan pengaruh yang besar di Negeri Sembilan dan kekal sebagai parti sokongan tanpa tapak pengaruh yang kukuh di peringkat DUN.

Perubahan ketara mula dapat diperhatikan dalam PRU-12 (2008) yang menandakan titik peralihan penting dalam tingkah laku pengundian etnik Cina. Bahkan ada yang mencatatkan bahawa PRU-12 (2008) sebagai bermula 'Urban Swing' atau mudanya di panggil sebagai berlakunya fenomena 'Tsunami Cina'. Dapatan kajian menunjukkan kemerosotan mendadak sokongan terhadap MCA, manakala Gerakan mengalami penyusutan sokongan secara menyeluruh sehingga gagal mengekalkan kewujudan politiknya di peringkat DUN selepas pilihan raya tersebut. Peralihan ini selari dengan dapatan kajian lepas yang mengaitkan PRU-12 dengan peningkatan kesedaran politik, penolakan terhadap politik etnik bersifat perlindungan semata-mata serta tuntutan yang lebih jelas terhadap keadilan dasar dan ketelusan tadbir urus. Dalam konteks Negeri Sembilan, peralihan ini dapat dikenal pasti melalui kemenangan di 10 kawasan DUN dan pengukuhan DAP di DUN majoriti Cina seperti Bukit Kepayang, Mambau, Rahang, Lobak, Bahau, Temiang, Repah, Lukut dan Nilai.

Trend sokongan terhadap DAP terus mengukuh dalam PRU-13 (2013) dan PRU-14 (2018) apabila parti tersebut berjaya mengekalkan penguasaan di seluruh DUN majoriti Cina, sekali gus memperlihatkan perubahan yang bersifat berterusan dan bukan sementara. Dalam tempoh yang sama, MCA terus berdepan kesukaran memulihkan sokongan pengundi etnik Cina, khususnya akibat persepsi kegagalan parti tersebut memperjuangkan isu-isu teras seperti pendidikan, tekanan kos sara hidup dan representasi politik yang lebih berkesan. Kejatuhan Gerakan pula bersifat muktamad, dengan ketiadaan semula parti tersebut dalam persaingan bermakna di peringkat DUN selepas 2008. Pola pengundian PRU 2013 hingga 2023 ini memperlihatkan sokongan yang padu dan meningkat kepada DAP, menunjukkan pembentukan orientasi politik baharu dalam kalangan pengundi etnik Cina di Negeri Sembilan. Jadual 1 ditunjukkan majoriti kemenangan mutlak DAP 2013 hingga 2023 bagi 11 kawasan DUN ditandingi di Negeri Sembilan.

**Jadual 1: Keputusan Majoriti Undi DAP Pada PRU-13 Hingga PRN-15
di Negeri Sembilan**

Bil	DUN	PRU-13 (2013)	PRU-14 (2018)	PRN-15 (2023)
1.	Chennah	1,098	1,155	2,200
2.	Bahau	5,136	6,109	8,408
3.	Nilai	4,047	9,825	10,889
4.	Lobak	8,270	11,782	13,504
5.	Temiang	1,677	3,063	3,068
6.	Bukit Kepayang	9,457	14,924	19,684
7.	Rahang	1,964	6,560	6,432
8.	Mambau	9,377	12,389	14,940
9.	Senawang/Seremban Jaya	4,805	10,507	12,703
10.	Lukut	3,954	8,405	10,135
11.	Repah	1,944	4,758	5,950

Sumber : SPR 2013 hingga 2023

Perbincangan

Isu dan Faktor

Terdapat beberapa faktor utama yang memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1999, khususnya di Negeri Sembilan. Pertama, sokongan pengundi Cina terhadap BN dipengaruhi oleh kestabilan ekonomi pasca Krisis Kewangan Asia 1997–1998 yang berjaya dipulihkan oleh kerajaan BN di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Memandangkan majoriti masyarakat Cina di Negeri Sembilan terlibat dalam sektor perniagaan, kejayaan dasar kawalan modal dan pemulihan ekonomi dilihat penting bagi kelangsungan ekonomi mereka, sekali gus menjadikan BN pilihan yang lebih diyakini berbanding Barisan Alternatif (BA) yang dianggap berisiko. Kedua, isu perpaduan kaum turut memainkan peranan penting apabila MCA berjaya meyakinkan pengundi Cina bahawa BN merupakan penjamin keharmonian etnik, berbanding retorik reformasi BA yang dianggap berpotensi mencetuskan ketegangan antara kaum. Ketiga, rekod cemerlang BN dalam aspek pembangunan dan infrastruktur di Negeri Sembilan, termasuk projek perindustrian di kawasan majoriti Cina seperti Senawang dan Bahau, telah memberi manfaat langsung kepada komuniti perniagaan Cina. Janji BN untuk meneruskan projek pembangunan sedia ada, berbanding BA yang kurang diyakini kerana ketiadaan rekod pentadbiran, mengukuhkan lagi kesetiaan pengundi Cina kepada BN. Akhir sekali, ketakutan terhadap ketidakstabilan politik susulan pemecatan dan perbicaraan Anwar Ibrahim mendorong pengundi Cina memilih BN sebagai “pilihan selamat”. Bahkan kempen MCA menekankan akibat atau risiko perubahan politik dengan mengundi parti pembangkang DAP, khususnya di kawasan DUN majoriti Cina, bagi mengekalkan status quo ekonomi dan sosial. Menurut Hilley (2001), dalam kempen rasmi pada PRU 1999, BN terutamanya UMNO telah menggunakan senjata perkauman dengan menampilkan ceramah berbentuk ugutan. Ini dapat dilihat dari sikap pemimpin BN memberi amaran kepada kaum Cina melalui MCA dan Gerakan supaya tidak menyokong PAS jika tidak mahu menjadi kelas kedua.

Pengundi Cina di Negeri Sembilan kekal setia kepada Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2004 didorong oleh pertimbangan, kepercayaan dan keyakinan tentang prestasi yang telah terbukti dilakukan oleh BN. Kestabilan ekonomi yang dijanjikan oleh BN di bawah kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi, khususnya kesinambungan dasar ekonomi era Tun Dr. Mahathir Mohamad, telah memberi keyakinan kepada komuniti perniagaan Cina di kawasan bandar yang majoriti Cina yang bergantung kepada pertumbuhan ekonomi bandar dan pelaburan berterusan. Dalam konteks ini, peranan yang dimainkan MCA dan Gerakan sebagai parti komponen BN telah berjaya memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina melalui rundingan pengagihan kerusi, sokongan terhadap pendidikan vernakular serta kelangsungan projek pembangunan tempatan. Ini sekali gus mewujudkan rasa keyakinan masyarakat dan pengundi Cina yang merasakan mereka diberi peranan yang sama dalam membuat keputusan politik dalam BN berbanding DAP yang masih lemah di peringkat Negeri Sembilan. Selain itu, gelombang populariti dan imej Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin berimej sederhana, bersih dan mesra rakyat turut menarik sokongan pengundi Cina berbanding rasa bimbang terhadap retorik politik PAS yang dilihat berpotensi menjejaskan keharmonian kaum. Selain itu, kekalahan dan kelemahan PKR dan DAP pasca kekalahan pada PRU 1999 yang gagal memenangi sebarang kerusi DUN, menyebabkan pengundi Cina di Negeri Sembilan terus melihat BN sebagai pilihan paling selamat bagi menjamin kestabilan politik dan ekonomi jangka panjang. Secara keseluruhannya, gabungan faktor kestabilan ekonomi, kekuatan MCA di peringkat akar umbi, populariti kepimpinan nasional serta kelemahan pembangkang telah mengukuhkan dominasi BN dalam kalangan pengundi Cina di Negeri Sembilan pada PRU 2004

Pada Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU 2008), berlaku perubahan ketara dalam sokongan pengundi Cina terhadap MCA dan Gerakan. Ianya disebabkan oleh gabungan faktor isu nasional dan masalah dalaman parti. Dari sudut nasional, fenomena ‘urban swing’ atau yang sering digelar sebagai “tsunami Cina” menyaksikan peralihan undi secara besar-besaran dalam kalangan pengundi Cina bandar daripada MCA dan Gerakan kepada DAP serta Pakatan Rakyat (PR). Peralihan ini didorong oleh ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran Kerajaan Persekutuan, khususnya berkaitan hala tuju ekonomi, isu tadbir urus dan rasuah yang berleluasa, serta dominasi UMNO yang dilihat keterlaluan dalam mendominasi perjalanan Barisan Nasional (BN) (Suhana & Kartini 2011). Pada masa yang sama, pengundi Cina turut melahirkan rasa kecewa terhadap kelemahan MCA dan Gerakan yang dianggap gagal mempertahankan kepentingan masyarakat Cina, terutamanya dalam isu pendidikan Cina, ekonomi bandar dan kebajikan komuniti Cina secara keseluruhan. Keadaan ini membawa kepada persepsi bahawa kedua-dua parti tersebut tidak lagi menjadi saluran politik yang diyakini oleh pengundi Cina.

Selain faktor luaran, masalah dalaman parti turut memburukkan keadaan apabila timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan akar umbi dan pengundi terhadap proses pemilihan calon yang didakwa ditentukan secara berpusat oleh kepimpinan tertinggi parti, sekali gus menafikan calon pilihan akar umbi. Pertelingkahan dalaman dan usaha menjatuhkan musuh politik sesama parti turut menjejaskan imej MCA dan Gerakan di mata pengundi (New Straits Times 2008). Di sebalik itu, strategi serta imej DAP dan Pakatan Rakyat yang menampilkan naratif perubahan, reformasi, keadilan dan good governance dilihat lebih dekat dengan aspirasi pengundi Cina berbanding retorik pembangunan tradisional yang dibawa oleh BN, MCA dan Gerakan. Tambahan pula, percubaan menubuhkan parti baharu berasaskan Cina seperti UMCO, yang didakwa ditaja bagi menyaingi DAP dengan memainkan sentimen perkauman, bukan sahaja gagal mencapai matlamatnya malah menghakis kepercayaan pengundi Cina terhadap MCA dan

Gerakan. Secara keseluruhannya, kombinasi isu nasional, kelemahan dalaman parti dan keberkesanan strategi pembangkang telah menyumbang kepada kemerosotan sokongan pengundi Cina terhadap MCA dan Gerakan dalam PRU 2008 di Negeri Sembilan.

Dalam konteks pilihan raya umum ke-13 tahun 2013 di Negeri Sembilan, peralihan sokongan pengundi Cina kepada DAP sebagai sebahagian Pakatan Rakyat boleh dijelaskan melalui lensa analisis faktor institusional, di mana isu rasuah berterusan dalam Barisan Nasional (BN) menjadi pemangkin utama. Skandal seperti kes 1MDB yang mula terbongkar di bawah Najib Razak menjejaskan legitimasi BN, kerana pengundi Cina, yang bergantung kepada kestabilan ekonomi bandar seperti Seremban, melihatnya sebagai kegagalan tadbir urus yang bertanggungjawab. Kajian empirik menunjukkan bahawa persepsi ini mengurangkan kepercayaan terhadap MCA sebagai perantara kaum, mendorong realignment undi ke arah DAP yang menawarkan naratif pembersihan institusi (Mohd Fuad al et. 2014).

Faktor kedua tertumpu kepada retorik perkauman UMNO yang semakin agresif, khususnya selepas insiden kenyataan pemimpin seperti Ahmad Ismail yang melabel kaum Cina sebagai "pendatang" (Abdul Rahim 2008). Di Negeri Sembilan, di mana demografi Cina tertumpu di kawasan bandar-bandar, retorik ini telah mencetuskan reaksi kurang senang, memperkukuh identiti etnik dan menjadikan DAP sebagai pembela hak vernakular serta kesaksamaan. Faktor ketiga ialah Gelombang "Ubah" yang didorong belia dan media sosial di mana golongan muda Cina di NS, terdedah kepada kempen Pakatan Rakyat melalui platform digital, menolak status quo BN selepas dua penggal Najib Razak memerintah pentadbiran negara. Akhirnya, tekanan ekonomi seperti kenaikan kos sara hidup dan penarikan subsidi di bawah dasar BN menjelaskan faktor keempat, kerana terdapat pengundi Cina yang tidak merasai pelan transformasi yang telah diperkenalkan oleh Najib Razak. DAP menjanjikan reformasi subsidi dan peluang sama rata, yang selaras dengan keperluan komuniti perniagaan Cina. Regresi undi menunjukkan korelasi langsung antara indeks harga pengguna dan peralihan undi, mengukuhkan hujah bahawa faktor material mengatasi ikatan parti lama.

Dalam analisis Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 2018) di Negeri Sembilan, sokongan berterusan pengundi Cina terhadap DAP sebagai komponen utama Pakatan Harapan (PH) dapat dijelaskan melalui gabungan faktor institusional, ekonomi, politik identiti dan perubahan struktur komunikasi politik. Kegagalan institusional Barisan Nasional (BN), khususnya skandal 1MDB yang melibatkan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak, telah menghakis legitimasi moral dan politik kerajaan di mata pengundi Cina, terutamanya di kawasan bandar yang bergantung kepada kestabilan ekonomi, tadbir urus berintegriti dan keyakinan pelabur. Skandal ini dilihat sebagai simbol kronisme dan penyalahgunaan kuasa yang serius, sekali gus menjejaskan kepercayaan jangka panjang pengundi terhadap BN. Fenomena ini selari dengan teori ethnic realignment, di mana kehilangan kepercayaan terhadap institusi pemerintah mendorong peralihan undi secara kolektif dalam kalangan kumpulan etnik tertentu ke arah blok politik alternatif yang dianggap lebih dipercayai seperti DAP dan Pakatan Harapan.

Selain itu, retorik perkauman yang berulang dalam wacana politik UMNO, termasuk kenyataan berunsur penghinaan seperti seruan masyarakat Cina sebagai "pendatang", telah memperkukuh lagi rasa terpinggir dan keterasingan emosi pengundi Cina di Negeri Sembilan. Dalam konteks ini, DAP dilihat bukan sahaja sebagai parti pembangkang, tetapi sebagai pelindung kepentingan pendidikan vernakular, kesaksamaan hak warganegara dan prinsip keadilan antara kaum. Sokongan terhadap DAP turut diperkukuh oleh peranan media sosial dan kempen digital

yang agresif, khususnya melalui naratif “Ubah”, yang berjaya memobilisasi pengundi muda, kelas menengah bandar dan golongan celik IT. Saluran komunikasi alternatif ini membolehkan mesej anti-rasuah dan reformasi disebarkan secara meluas, sekali gus mencabar dominasi media arus perdana yang pro-BN dan menyumbang kepada apa yang sering digambarkan sebagai “tsunami Cina” pada PRU 2018.

Faktor ekonomi turut memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku pengundian pengundi Cina di Negeri Sembilan. Ketidakpuasan terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kenaikan kos sara hidup, serta tekanan terhadap perniagaan kecil dan sederhana telah mendorong pengundi Cina untuk menyokong PH. Janji-janji DAP dan PH berkaitan pemansuhan GST, pengenalan sistem cukai yang lebih adil, pengurangan kos sara hidup, serta dasar pemilikan tanah dan peluang ekonomi yang lebih inklusif menarik sokongan komuniti perniagaan Cina. Secara keseluruhannya, gabungan krisis legitimasi BN, alienasi politik berasaskan identiti, keberkesanan strategi komunikasi DAP dan tekanan ekonomi harian telah mengukuhkan sokongan pengundi Cina di Negeri Sembilan terhadap DAP dan Pakatan Harapan dalam PRU 2018

Dalam analisis Pilihan Raya Negeri ke 15 tahun 2023 di Negeri Sembilan, sokongan berterusan pengundi Cina terhadap DAP dapat dijelaskan melalui gabungan faktor sejarah politik, identiti etnik, keupayaan organisasi parti dan pertimbangan ekonomi semasa, walaupun Pakatan Harapan membentuk Kerajaan Perpaduan bersama Barisan Nasional di peringkat persekutuan. Kegagalan Kerajaan Barisan Nasional yang berterusan, khususnya skandal 1MDB dan amalan kronisme semasa pentadbiran Najib Razak, terus membentuk naratif dan trauma politik dalam kalangan pengundi Cina. Keadaan ini menyebabkan DAP dilihat sebagai parti yang paling konsisten dalam memperjuangkan agenda reformasi, ketelusan dan tadbir urus yang baik, terutamanya di kawasan majoriti pengundi Cina di Negeri Sembilan. Faktor organisasi dan mobilisasi akar umbi turut memainkan peranan penting dalam memastikan kemenangan DAP di Negeri Sembilan. Keupayaan parti tersebut mengekalkan hubungan langsung dengan pengundi melalui perkhidmatan wakil rakyat, penyelesaian isu tempatan dan penggunaan media sosial yang berkesan telah meningkatkan tahap kepercayaan pengundi, khususnya dalam kalangan belia Cina dan pengundi bandar. Peningkatan kadar keluar mengundi dalam kalangan pengundi muda menunjukkan bahawa sokongan jangka panjang terhadap DAP masih kukuh dan tidak terjejas oleh perubahan konfigurasi politik di peringkat nasional.

Akhirnya, faktor ekonomi pasca pandemik COVID 19 turut mempengaruhi tingkah laku pengundian pengundi Cina. Tekanan inflasi, peningkatan kos sara hidup dan persepsi terhadap kelemahan dasar ekonomi lama mendorong pengundi melihat DAP sebagai pilihan yang lebih berkesan. Janji pelaksanaan dasar berteraskan kerangka Malaysia Madani yang menekankan keterangkuman, keadilan sosial dan sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana telah menarik sokongan komuniti perniagaan Cina termasuk di kawasan separa bandar seperti Bahau. Secara keseluruhannya, walaupun wujud kerjasama politik antara Pakatan Harapan dan Barisan Nasional, pengundi Cina di Negeri Sembilan tetap memprioritaskan rekod prestasi, konsistensi perjuangan dan keupayaan tadbir urus DAP dalam Pilihan Raya Negeri 2023.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menyokong hujah dalam literatur sedia ada yang menekankan peralihan pengundi etnik Cina daripada politik etnik tradisional kepada pendekatan politik yang lebih rasional dan berasaskan prestasi dasar. Perubahan sokongan di peringkat DUN ini didorong oleh beberapa faktor utama, antaranya tekanan sosioekonomi, tuntutan terhadap akses pendidikan yang adil, keperluan pemeliharaan hak dan identiti

kebudayaan, serta penilaian kritikal terhadap keupayaan parti politik dalam memastikan tadbir urus yang baik. Faktor-faktor ini secara kolektif membentuk asas kepada perubahan jangka panjang pola pengundian etnik Cina di Negeri Sembilan sejak PRU-12, sekali gus mengubah landskap politik di Negeri Sembilan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa perubahan pola pengundian etnik Cina di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Sembilan sepanjang tempoh PRU-10 (1999) hingga PRU-15 (2023) menunjukkan satu pola peralihan yang konsisten daripada sokongan terhadap parti etnik tradisional, khususnya MCA dan Gerakan, kepada DAP. Generalisasi utama yang dapat dibuat ialah sokongan pengundi etnik Cina semakin berasaskan pertimbangan rasional, prestasi dasar dan keupayaan parti menangani isu sosioekonomi, pendidikan serta pemeliharaan hak kebudayaan, berbanding kebergantungan kepada politik perlindungan etnik semata-mata. Begitupun, isu dan faktor nasional turut membantu dalam memberi kemenangan besar kepada parti DAP di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan, antaranya kebergantungan kepada data kualitatif dan dokumen sekunder, serta tumpuan kepada DUN majoriti Cina yang terpilih, yang mungkin mengehadkan kebolehumuman dapatan ke kawasan bercampur etnik atau konteks negeri lain.

Dari sudut implikasi, dapatan kajian ini menyumbang kepada pengukuhan teori budaya politik etnik dengan menunjukkan bagaimana perubahan struktur sosioekonomi dan kesedaran politik boleh membentuk orientasi pengundian jangka panjang secara longitudinal. Dari segi praktikal, kajian ini memberi gambaran penting kepada parti politik mengenai keperluan menyesuaikan strategi dan pendekatan dasar yang lebih responsif terhadap tuntutan pengundi etnik Cina di peringkat akar umbi. Sebagai rumusan akhir, perubahan pola sokongan yang berterusan sejak PRU-12 mencerminkan penstrukturan semula kesetiaan politik yang bersifat jangka panjang di Negeri Sembilan. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk menggabungkan data tinjauan lapangan dan perbandingan antara negeri bagi memperkukuh kefahaman terhadap dinamika pengundian etnik Cina dalam landskap politik Malaysia yang semakin kompleks

Penghargaan:	Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada pensyarah, rakan dan ahli keluarga atas bimbingan, sokongan, dan bantuan mereka sepanjang penyelesaian penulisan ilmiah ini. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Sekretariat Siswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor atas kebenaran dan sokongan terhadap penyelidikan yang menghasilkan artikel ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel jurnal ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Mokhtar Ahmad bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian dan penyeliaan keseluruhan kajian. Junaidi Awang Besar menyumbang kepada sorotan literatur dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ab. Rashid Ab. Rahman & G. Manimaran. (2021). *Pilihan Raya Demokrasi Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Anon. (2023). Dun Negeri Sembilan bubar 1 Julai – Aminuddin. *Sinar Harian*. 28 Jun. <https://share.google/1s95KSO3nfVX0oApKj> [22 November 2025].
- Anon. (2023). SPR isytihar 12 Ogos sebagai tarikh mengundi PRU DUN ke-15. *Portal Berita RTM*. 5 Julai. <https://share.goggle/dtZtR3yNlufe4szfw> [25 Januari 2026].
- Bernama (2020). Pendaftaran parti Perikatan Nasional lulus pada 7 Ogos – RoS. *Astro Awani*. 14 September
- BH Online. 10 Oktober. <https://share.google/HCd61luz54VtPOLJM> [26 November 2025].
- Biro Analisis Politik. (2000). *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999 (UMNO in Trouble)*. Kuala Lumpur: Biro Analisis Politik.
- Crouch, H. (1996). *Government and Society in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Fahmy A Rosli. (2022). Lambat lantik penyelaras, punca MIC kalah banyak kerusi PRU-14.
- Funston, J. (2001). Malaysia: Developmental State Challenged. *Southeast Asian Affairs* (pp. 171–186). Singapore: ISEAS.
- Gomez, E. T., & Saravanamuttu, J. (Eds.). (2013). *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*. Singapore: NUS Press.
- Goo Lee Ping. (2002). Kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka. Latihan Ilmiah. Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harding, A. (2012). *The Constitution of Malaysia: A Contextual Analysis*. Oxford: Hart Publishing.
- Horowitz, D.L. (1985). *Ethnic groups in conflict*. Berkeley: University of California Press.
- Hutchinson, F. E & Aun, L. H. (2019). *The Defeat of Barisan Nasional: Missed Signs or Late Surge?* Singapore's Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS – Yusof Ishak). Singapura.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Nasir Nayan, Siti Noranizahhafizah Boyman, Mazlan Ali & Aajirah Hanim Abdul Halim. (2021). Trend Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum 1986-di Malaysia Berdasarkan Pemetaan Geografi. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(25), 40-63
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mazlan Ali. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Pola dan Impak. *3rd USM-International Conference on Social Sciences (ICOSS) 2019*. Bayview Beach Resort, Batu Feringgi, Penang, Malaysia. 21-23 Ogos 2019.
- Junaidi Awang Besar, Mokhtar Jaafar, Mokhtar Ahmad. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *GEOGRAFIA : Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (2), 206-220.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. Geografia Online: *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Perkembangan dan Prestasi Malaysian Indian (MIC) dalam geopolitik Malaysi. *eBangi*, 18(3), 178-193
- Junaidi Awang Besar. (2023). Pru-15: Tiadanya Parti Politik Yang Menang Majoriti Mudah 112 kerusi Parlimen Untuk Membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8(31), 97- 121
- Junaidi Awang Besar. (2024). Influence of Spatial Geography in By-Elections Post 15th General Election in Malaysia. *GEOGRAFI* 12(1). <https://doi.org/10.37134/geografi.vol12.1.8.2024>.

- Kaur, Arunajeet. 2018. The Hindu rights action force and the Malaysian Indian minority after the 2018 General Election in Malaysia. *S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS)*. No. 319
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Viknesh a/l Ramachandran. (2012). Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *GEOGRAFIA, Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 1-11
- Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). Pendahuluan. Dlm Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2024). Pola Pandangan Pengundi Melayu Pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 37-52.
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2025a). Pola Pengundian Mengikut Saluran Mengundi Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (N20) Labu, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana* 9(1): 1-21
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2025b). Pilihan Raya Negeri ke-15, Negeri Sembilan: Di Sebalik kebangkitan sokongan Melayu kepada Perikatan Nasional. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 10(39), 160-177
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2025c). Kebangkitan Perikatan Nasional Melalui Sokongan Pengundi Melayu Dalam Pilihan Raya DUN Negeri Sebilan ke-15. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-9, ICOSH) 2025*. The Everly Hotel, Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Malaysia. 9 – 11 September.
- Mokhtar Ahmad, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Jali. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan Kemunculan Politik Baharu. *Akademika*, 94(3), 204-233.
- Mokhtar Ahmad. (2019). Pola Kecenderungan Politik Melayu Luar Bandar Di Negeri Sembilan. *Postgraduate Research Seminar 2019/Seminar Penyelidikan Siswazah (POGRES 2019)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 4 Disember
- Mokhtar Ahmad. (2025). Geografi Politik Melayu Luar Bandar Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) di Negeri Sembilan: Satu Analisis PRU-10 Hingga PRU-14. Tesis Doktor Falsafah. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin & Badrul AzmierMohamed@Bakar. (2013). Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12. *Political Managements and Policies in Malaysia*. Hlm 411-442.
- Nafisah Ilham Hussin & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2013). Sentimen perkauman dalam PRU 13. Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar: Refleksi Jati Diri. Anjuran Institut Kajian Etnik (KITA) UKM dan Kumpulan Penyelidik Sumitomo (RE2012-003). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 22 Ogos
- Rabushka, A., & Shepsle, K.A. (1972). *Politics in plural societies: A theory of democratic instability*. Columbus, OH: Charles E. Merrill.
- Rizanizam Abdul Hamid. (2019). Dr Streram calon PRK Rantau? *Metro*. 10 Mac. <https://share.google/DMka7YTQPYuYsWxHf> [23 November 2025].
- Sanusi Osman, (1981). Perbezaan sosio-ekonomi dan konflik: satu kajian kes. *AKADEMIKA*, 18, 77-93.
- Shamsul A. B. (1996). Nations-of-Intent in Malaysia. In *Asian Forms of the Nation* 323–347. London: Routledge
- Shamsul Amri Baharuddin. (1996). Nations of intent in Malaysia. In S.Tonnesson & H. Antlov (Eds), *Asian forms of the nation* (pp. 323-347). London: Curzon Press.

- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Tahun 2018. Putrajaya. Suruhan Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2023). Laporan Statistik Pilihan Raya Umum ke-15. Putrajaya. Suruhan Pilihan Raya Malaysia.
- Vellymalay, S. K. N. (2014). Aliran Mengundi Kaum India Dalam Pilihan Raya Umum 2013: Satu Analisi. *Kajian Malaysia*, 32(2), 55-88
- Vellymalay, Suresh Kumar N & Ponniah, Sivarajan. (2018). Tsunami India dalam Pilihan Raya Umum PRU-14: Peralihan sokongan daripada politik etnik kepada politik multi-etnik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 206-231.
- Viknesh Ramachandran (2009) Pola perlakuan politik dikalangan masyarakat India: Satu kajian kes di DUN Gemencheh dan DUN Port Dickson (Latihan Ilmiah). Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Welsh, B. (2018). "Saviour" politics and Malaysia's 2018 electoral democratic breakthrough: Rethinking explanatory narratives and implications. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 85-108.
- Welsh, B. (2018). Malaysia's Democratic Breakthrough? *Journal of Democracy*, 29(4), 152-166.
- Welsh, B. (2019). Euphoria dashed: Malaysia's struggle with political transition. *Global Asia*, 14(1). March 27 https://www.globalasia.org/v14no1/focus/euphoria-dashed-malaysias-struggle-with-political-transition_bridget-welsh. Global Asia
- Welsh, B. (2020). Malaysia's political polarization: Race, religion, and reform. August 18 <https://bridgetwelsh.com/articles/malaysias-political-polarization-race-religion-and-reform/>. Bridget Welsh
- Welsh, B. (2021). Malacca polls: A voting retrospective. November 10 <https://bridgetwelsh.com/articles/malacca-polls-a-voting-retrospective/>
- Wong Pooi Ling. (2001). Perilaku pengundi Cina dalam pilihanraya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakry Abadi. (1986). *Suatu Analisa Pilihanraya Umum '86*. Kuala Lumpur: Syarikat Grafikset Abadi.